

26/03/2001

Pemimpin tawaduk negara diberkati

Maarop Md Noh

DUNIA mengiktiraf Nabi Muhammad saw sebagai pemimpin agung. Perwatakan dan cara kepemimpinan Baginda dipelajari dan diinstitusikan untuk dihayati sepanjang zaman.

Agama Islam yang dibawanya - walaupun menerima tentangan agak keras daripada agama lain sebelum ini - umumnya berjaya mengajar manusia mengamalkan kasih sayang dan saling bertanggungjawab.

Tidak berlebihan dijelaskan bahawa Islam memodenkan semua jentera kehidupan manusia. Islam datang dengan kitab suci al-Quran yang dilengkapi semua ilmu kehidupan dan ketuhanan. Dan Nabi Muhammad memikul amanah mentamadunkan dunia dan manusia.

Begitupun, kekuasaan besar yang diamanahkan Allah kepada Baginda tidak pernah disalahgunakan. Semakin berjaya dan tinggi kedudukan baginda, semakin baginda merendah diri dan tunduk kepada kebesaran Ilahi.

Sebagai bukti, apabila Baginda dan pengikutnya berjaya menawan semula Makkah daripada kaum Quraisy pada 630 Masihi, baginda menundukkan kepala sehingga sama rata dengan leher untanya.

Baginda cukup tawaduk dan tidak takbur atau sombong terhadap sesuatu kejayaan. Sebaliknya, semua kejayaan dianggap anugerah Allah dan kekuasaan sebenarnya adalah milik Allah.

Dalam hubungan ini Baginda tidak bersendirian, sebaliknya sentiasa menyerahkan urusannya kepada Allah.

Allah berfirman maksudnya: "Katakanlah, wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan (kekuasaan) kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau gugurkan (jatuhkan) kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu." (Surah Ali Imran, ayat 26)

Untuk kemudahan, rujuk juga Surah Taaha ayat 114, al-Mukminun ayat 116, al-Hasyr ayat 23 dan beberapa surah lain yang ada hubung kaitnya dengan kekuasaan sebenar adalah milik Allah.

Seorang penulis Barat, Michael H Hart, dalam bukunya *The 100 - A Ranking Of The Most Influential Person In History* (1987) secara jujur meletakkan Nabi Muhammad sebagai pemimpin paling popular dunia. Baginda diletakkan sebagai pemimpin paling utama mengatasi Nabi Isa, Nabi Musa dan ramai lagi.

Walaupun ada yang membantah kedudukan itu, termasuk umat Islam sendiri, Hart tentu mempunyai alasan tertentu. Beliau melihat kenyataan menerusi fakta yang benar serta kaca mata ilmu dan bukan emosi atau kepentingan sesuatu pihak tertentu.

Bagi kita, sebagai umat Muhammad semestinya membersihkan tanggapan dengan menerima hakikat mereka yang dianugerahkan kekuasaan adalah memikul amanah yang diwariskan Allah sejak penciptaan Nabi Adam untuk menjadi khalifah (pemimpin) memakmurkan bumi dan menguduskan Allah. (Rujuk al-Baqarah, ayat 30)

Mengambil iktibar daripada ketawadukan kepemimpinan Nabi Muhammad, kita merasakan agak terpanggil untuk mengingatkan semua pemimpin, khususnya di negara kita yang tercinta ini, supaya sentiasa tawaduk.

Jadikanlah Maal Hijrah 1422 tahun ini sebagai permulaan untuk memuhasabah diri dan meningkatkan ketakwaan.

Ketawadukan seorang pemimpin akan menjadikan rakyat dan negara diberkati

Allah dan pemimpin itu sendiri mendapat rahmat yang besar. (Maksud Hadis Sahih Bukhari dan Muslim)

Nabi Muhammad berjaya menyatukan masyarakat Arab jahiliyah yang berpecah berpuluh sukuan dan puak. Baginda tidak jemu-jemu menggunakan pendekatan marhamah dan kebijaksanaan dengan meletakkan keindahan Islam dan kasih sayang Allah sebagai pusat penyatuan.

Dalam hubungan ini, tidak ada salahnya masyarakat Islam di negara ini, khususnya bangsa Melayu yang beragama Islam, bersatu dan melupakan perselisihan politik demi kebaikan umat dan negara.

Perbincangan perpaduan Melayu yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak seharusnya diketepikan. Ia adalah sebaik-baik mekanisme untuk menyelamatkan bangsa Melayu daripada 'hilang di dunia'.

Menerusi perbincangan itu, pemimpin Melayu dapat memugar semula kekuatan bangsa dan agama bagi mengisi alaf dan abad baru yang mencabar ini. Keadaan dunia yang semakin tidak terurus seperti mencabar bangsa Melayu supaya belajar mengurus dan menyatukan diri dalam satu kekuatan. Perpaduan bangsa Melayu di negara ini akan membentuk perpaduan bangsa Melayu di Nusantara secara menyeluruh.

Biarlah Maal Hijrah tahun ini menjadi saksi kepada penyatuan umat Melayu/Islam yang sebenar. Kita harus belajar dan mempraktikkan semua ilmu yang diwariskan Nabi Muhammad untuk kemajuan.

Begitu juga kekuasaan (kekhalfahan) yang diamanahkan Allah sejak Nabi Adam mesti dimurnikan dengan membulatkan hati dan jiwa untuk mengkuatkan Tuhan.

Kita tidak sepatutnya mencontohi pemimpin dunia yang sebelum ini berlagak sombong apabila berkuasa atau menjadi pembangkang.

Dunia pernah melihat Jeneral McArthur dengan sombongnya menghunus pedang sebaik berjaya mengalahkan Jepun pada September 1945. Begitu juga Presiden Amerika Syarikat, George Bush, yang kononnya berjaya mengalahkan Iraq dalam Perang Teluk pada 1990. Malah, hingga kini pemimpin Amerika seolah-olah merasakan diri mereka diangkat Tuhan untuk mentadbir dunia.

Ringkasnya, semua pemimpin dunia yang lain mengembangkan dada sebagai pemimpin agung. Dunia masih ingat bagaimana Adolf Hitler dari Jerman menjerit dari pentas istana mendakwa dirinya pemimpin agung, begitu juga Napoleon Bonaparte dari Perancis, Winston Churchill dari England dan Golda Meir dari Israel. Paling baru ialah George W Bush, Presiden Amerika Syarikat ke-42.

Kebanyakan pemimpin Amerika tidak menyedari kekuatan senjata dan ekonomi mereka boleh terhakis pada bila-bila masa saja. Secara tidak mereka sedari, Allah sudah pun menguji mereka dengan pelbagai bencana alam, termasuk kemerosotan ekonomi, gempa bumi, banjir besar, banjir salji, rusuhan kaum dan kezaliman undang-undang dan pelbagai lagi.

Begitu juga jika kita rajin melihat sekeliling, kita temui Joseph Estrada yang digulingkan pun masih menganggap dirinya pemimpin dan masih bercakap besar. Semua pemimpin ini seolah-olah mahu menguasai dunia selama-lamanya.

Berbeza dengan Nabi Muhammad saw, walaupun Baginda sentiasa dirahmati Allah dan doanya dimakbulkan, Baginda tidak pernah cuba mengalih gunung untuk menunjukkan kuasa.

Begitu juga Baginda tidak mahu menukarkan gunung pasir menjadi gunung emas. (Rujuk Life of Muhammad, oleh Ibnu Ishaq terjemahan Inggeris). Itulah Nabi Muhammad, Rasul terakhir dan kekasih Allah, Tuhan semesta alam.

Paling menarik apabila Baginda memulakan tugas sebagai nabi dengan menyampaikan wahyu Allah kepada kaum kerabatnya. Dalam dialog dengan wakil Quraisy, Baginda ditawarkan harta jika ingin menjadi kaya, ditawarkan

pangkat jika ingin menjadi raja dan ditawarkan perempuan yang cantik dan sebagainya.

Tetapi Baginda menjelaskan, "Jika bulan diletakkan di tangan kananku dan matahari di kiriku, aku tidak akan menghentikan tugasku ini." (Maksud hadis, Bukhari)

Teladan yang baik daripada Nabi Muhammad ini bukan tertuju kepada pemimpin kerajaan atau politik saja, malah pemimpin organisasi atau sebagai pentadbir dan pegawai, sama ada pada peringkat tinggi atau pertengahan.

Pepatah Melayu 'kuasa sedikit usah gunung cuba dialih' perlu dipraktikkan supaya hidup lebih berkat.

Ketegasan dan kesungguhan Nabi Muhammad memikul amanah mendapat pujian daripada Allah dan malaikat, serta Allah mengajak umat Nabi Muhammad supaya memuji Baginda (bersalawat) seperti firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah dan malaikatnya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebajikan) kepada (Nabi Muhammad). Wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan sepenuhnya." (Surah al-Ahzab, ayat 56)

Paling penting dalam kepemimpinan ini ialah Nabi Muhammad diutus Allah untuk menjadi saksi kepada umat manusia mengenai kebesaran Allah. Ini jelas apabila Allah berfirman, maksudnya: "Wahai Nabi sesungguhnya Kami mengutus kamu menjadi saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira kepada orang yang beriman serta pemberi amaran (kepada orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufik yang diberi-Nya dan sebagai lampu yang menerangi." (Surah al-Ahzab, 45-46)

Ringkasnya, sebagai mengakhiri rencana ini, saya memetik pertanyaan seorang Arab Badui kepada Baginda yang bercita-cita menjadi orang terkaya di dunia. Baginda menjawab: "Memadailah dengan apa yang ada, nescaya kamu akan menjadi orang yang terkaya di dunia." (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

(END)